



29 Februari 2012  
29 February 2012  
P.U. (A) 53

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (PERAKUAN DAN  
PENANDAAN HALAL) (PINDAAN) 2012

*TRADE DESCRIPTIONS (CERTIFICATION AND MARKING OF  
HALAL) (AMENDMENT) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PERIHAL DAGANGAN 2011

PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (PERAKUAN DAN PENANDAAN HALAL) (PINDAAN)  
2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 29 Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) (Pindaan) 2012.**  
  
(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2012.

**Pindaan perenggan 2**

2. Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 [P.U. (A) 431/2011], yang disebut sebagai “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 2 dengan menggantikan perkataan “cara” dengan perkataan “ungkapan”.

**Pindaan perenggan 4**

3. Perenggan 4 Perintah ibu dipinda—
  - (a) dalam subperenggan (1), dengan menggantikan perkataan “cara” dengan perkataan “ungkapan”;
  - (b) dengan menggantikan subperenggan (2) dengan subperenggan yang berikut:

“(2) Perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang tidak boleh diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan ungkapan lain untuk menunjukkan perkhidmatan itu boleh digunakan oleh orang Islam melainkan jika—

- (a) diperakukan sebagai halal oleh pihak berkuasa berwibawa; dan
- (b) ditandakan dengan logo sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperenggan (2) subperenggan yang berikut:

“(3) Walau apa pun subperenggan (1), semua makanan yang dibekalkan oleh orang bukan Islam sekiranya ingin diperihalkan dengan mana-mana ungkapan lain yang menunjukkan makanan, barang-barang dan perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang itu boleh dimakan atau digunakan oleh orang Islam hendaklah—

- (a) diperakukan sebagai halal oleh pihak berkuasa berwibawa; dan
- (b) ditandakan dengan logo sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.”.

#### **Pindaan perenggan 6**

4. Perenggan 6 Perintah ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:  
**“Penandaan ke atas makanan, barang-barang dan perkhidmatan”;**
- (b) dengan menomborkan perenggan sedia ada sebagai subperenggan (1);

(c) dalam subperenggan (1), dengan menggantikan perkataan “cara” dengan perkataan “ungkapan”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subperenggan (1) subperenggan berikut:

“(2) Semua perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang yang hendak ditandakan mengikut kehendak perenggan 4 dan 5 hendaklah ditandakan dengan apa-apa ungkapan yang boleh dianggap sebagai merujuk kepada perkhidmatan tersebut termasuk di premis perkhidmatan tersebut dibekalkan.”.

### **Pindaan perenggan 9**

5. Perenggan 9 Perintah ibu dipinda—

(a) dengan menomborkan perenggan sedia ada sebagai subperenggan (1); dan

(b) dengan memasukkan selepas subperenggan (1) subperenggan yang berikut:

“(2) Semua makanan atau barang-barang import yang hendak diperihalkan sebagai halal hendaklah mematuhi kehendak perenggan 5 dalam tempoh satu tahun dari permulaan kuat kuasa Perintah ini.”.

### **Pindaan Jadual**

6. Jadual kepada Perintah ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris—

(a) dengan menggantikan perkataan “Schedule 1” dengan perkataan “First Schedule”; dan